

30 MAY 2001

MAHATHIR-ARKITEKTUR

M'SIA TERANGSANG YANG G15 AKAN MEJADI LEBIH PROAKTIF

Oleh: Mohd Kamel Othman

JAKARTA, 30 Mei (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata Malaysia terangsang oleh persepakatan yang dicapai oleh Kumpulan 15 Negara-negara Membangun (G15) untuk mengambil peranan yang lebih proaktif dalam pembaharuan arkitektur kewangan antarabangsa.

Untuk memberi kesana kepada komitmen ini, Malaysia akan memanggil satu mesyuarat pakar-pakar G15 dalam beberapa bulan akan datang, katanya di dalam ucapannya bagi pihak negara-negara anggota Asia pada perasmian Sidang Kemuncak ke-211 G15, yang dibuka oleh Presiden Indonesia Abdurrahman Wahid, di Pusat Konvensyen Jakarta, di sini hari ini.

G15 terdiri daripada Algeria, Argentina, Brazil, Chile, Colombia, Mesir, India, Indonesia, Iran, Jamaica, Kenya, Malaysia, Mexico, Nigeria, Peru, Senegal, Sri Lanka, Venezuela dan Zimbabwe.

Dr Mahathir berkata: "Walaupun terdapat pengajaran yang patut diperolehi daripada krisis kewangan Asia, kami telah dikecewakan dengan sedikit kemajuan yang dibuat kepada pembaharuan arkitektur kewangan antarabangsa."

Beliau juga bersungut bahawa tumpuan cenderung lebih kepada isu-isu bercorak ideologi tidak sebaliknya yang praktikal.

Katanya kegagalan pasaran bebas mengawal selia sendiri kewangan antarabangsa dan juga salah peruntukan sumber-sumber dan kadar-kadar pertukaran yang tidak menentu telah sebahagian besarnya diabaikan.

Sebaliknya, nilai kebebasan yang begitu dipersoalkan dan pasaran-pasaran yang tidak dikawal selia masih diberi jolokan sebagai ideal yang patut dipatuhi dengan apa cara jua, kata Perdana Menteri.

"Ideologi kebebasan pasaran, nampaknya, adalah lebih penting daripada kesejahteraan masyarakat manusia," katanya.

"Adalah menjadi terlalu jelas bahawa IMF (Tabung Matawang Antarabangsa) adalah lebih merupakan alat politik daripada alat bagi pemulihan kewangan," kata Dr Mahathir.

Katanya penderitaan rakyat seolah-oleh tidak begitu mendapat perhatian berat selagi dasar-dasar dan arahan-arahan tertentu dilaksanakan.

"Sedikit harapan yang pandangan bercanggah akan dilayan."

Dr Mahathir berkata sidang kemuncak di Jakarta sampai pada masa yang amat penting bagi negara-negara membangun kerana cara di mana negara-negara menjalankan perhubungan mereka telah terjejas oleh pergerakan globalisasi dan dipercepat oleh revolusi dalam teknologi maklumat dan komunikasi (ICT).

"Sementara kami tidak menafikan bahawa globalisasi membawa manfaat, kami juga telah memperakui cabaran-cabaran dan risiko-risiko yang dibawa oleh globalisasi yang tidak dibendung. Kami terpaksa menangani cabaran-cabaran dan prihatin terhadap risiko-risiko itu jika kami tidak mahu diketepikan," katanya.

Dr Mahathir berkata tidak syak bahawa globalisasi telah memburukkan lagi ketidakamanan negara-negara membangun dan menghakis keupayaan membuat dasar nasional mereka.

Katanya di dalam bidang perdagangan, misalnya, negara-negara membangun telah tidak mampu mengatasi syarat-syarat perdagangan yang tidak sama rata dan merosot berbanding syarat-syarat negara-negara maju.

"Namun, negara-negara maju terus mendesak negara-negara membangun terus melonggarkan perdagangan mereka tanpa mengira sama ada ekonomi-ekonomi mereka bersedia atau tidak atau mampu menangan proses itu.

"Di samping telahpun kekurangan oleh ketidakimbangan dalam perjanjian

Pusingan Uruguay, negara-negara membangun sedang didesak supaya memersetujui pusingan baru perundingan WTO (Pertubuhan Perdagangan Sedunia), yang merangkumi isu-isu baru yang dituntut oleh negara-negara maju," katanya.

Dr Mahathir berkata sekiranya isu-isu baru itu dimasukkan, negara-negara membangun akhirnya akan kehilangan apa juga budibicara dasar yang terhad yang mereka masih miliki dalam mengejar dimensi pembangunan mereka dan proses pembinaan negara. -- BERNAMA

MKO MR OS